

<b>Headline</b>	<b>KBJ Hecmy labur RM250 juta untuk projek tenaga solar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>21 Jun 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Section</b>	<b>Niaga</b>	<b>Page No</b>	<b>45</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>272 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 21,258</b>		



## KBJ Hecmy labur RM250 juta untuk projek tenaga solar

**PADANG BESAR** – Konsortium Beseri Jaya Sdn. Bhd. (KBJ), syarikat tempatan dan Hanwha Energy Corp Singapore Pte. Ltd. (Hanwha) menubuhkan KBJ Hecmy.

Syarikat baharu itu bertujuan untuk melabur lebih RM220 juta bagi membangunkan projek berkapasiti 30 megawatt (MW) tenaga solar potovoltan di Kampung Perawah, Chuping.

Nah, Presiden Kanan Unit Perniagaan Asia Hanwha, James Lee berkata, KBJ Hecmy berjaya membida paket P3 (10MW hingga 30MW) di bawah LSS2 (Larger Solar Scale) Suruhanjaya Tenaga.

"Syarikat membuat pelaburan tunai sebanyak

AS\$10 juta (RM41.4 juta) dalam projek tersebut, dengan meminjam kira-kira AS\$50 juta (RM207 juta) dari Bank OCBC dan Bangkok Bank bagi menambah pembilangan bagi keseluruhan projek itu yang menelan kos kira-kira RM250 juta," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis pecah tanah projek tersebut yang disempurnakan oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man di tapak projek itu di sini.

Hanwha merupakan anak syarikat milik penuh Hanwha Energy Corporation (HEC) iaitu konglomerat perniagaan terbesar di Korea Selatan yang berpangkalan di

Seoul.

Selain itu, Azlan dalam ucapannya sempena majlis tersebut menjelaskan, pelaksanaan projek itu memberi impak positif dalam usaha kerajaan negeri menarik pelabur asing melabur di Perlis, terutama di Kawasan Industri Lembah Chuping (CVIA) yang sedang dibangunkan.

Tambah beliau, kerajaan pusat meluluskan RM50 juta dalam Pelan Pelaksanaan ketiga Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi menyediakan infrastruktur asas CVIA tahun ini manakala Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersetuju membangun satu Pencawang Masuk Utama (PMU) dalam tempoh dua tahun lagi. — Bernama



AZLAN (tiga dari kanan) bersalaman dengan James (dua dari kanan) pada majlis pelancaran pecah tanah projek solar di Chuping semalam.